

BILA HADIAH MENJADI RASUAH



Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

ISI KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	1
2. DEFINISI RASUAH	2-3
3. DEFINISI HADIAH	3
4. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM	4
4.1 Larangan Memberi dan Menerima Hadiah	4
4.2 Hadiah yang Boleh Diterima oleh Penjawat Awam dengan Kebenaran	4-5
4.3 Penerimaan Hadiah yang Menjadi Kesalahan	5-6
4.4 Keputusan Ketua Jabatan	5
4.5 Pemberian dan Penerimaan Keraian	6
4.6 Pemberian dan Penerimaan Hadiah oleh Jabatan Kerajaan	6-7
4.7 Penerimaan Hadiah dan Sumbangan oleh Kelab Kebajikan dan Sukan	7
5. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH YANG BOLEH MENJADI RASUAH	7
5.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009	7-9
5.2 Kanun Keseksaan	10
5.3 Akta Kastam 1967	10
5.4 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954-Bahagian III Perbuatan-perbuatan Rasuah	11
6. PENUTUP	12
Lampiran:	14
I. Soalan Lazim	
II. Akta / Pekeliling/ Peraturan	

1. PENDAHULUAN

Memberi dan menerima hadiah adalah antara budaya masyarakat Malaysia yang telah diamalkan sejak berkurun lama terutama sekali di musim perayaan dan majlis-majlis keramaian. Amalan memberi hadiah atau buah tangan selalunya diibaratkan sebagai sedekah atau tanda penghargaan daripada pemberi. Amalan ini memanglah dianggap baik jika pemberian itu dibuat dengan niat yang ikhlas, jujur dan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta persahabatan di antara pemberi dan penerima. Namun, pemberian hadiah itu boleh menjadi rasuah apabila hadiah itu diberi dengan ada tujuan untuk mendapatkan sesuatu keistimewaan, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya.

Masyarakat pada umumnya masih tidak begitu jelas sama ada pemberian atau penerimaan sesuatu hadiah itu dibolehkan mengikut undang-undang dan peraturan yang ada. Kesamaran ini mungkin berpunca daripada keadaan di mana adakalanya hadiah yang pada peringkat awalnya memang boleh diterima atau diberi, tetapi disebabkan ada faktor kepentingan (*favour*) atau urusan rasmi dengan sesuatu jabatan atau majikan boleh menjurus kepada perbuatan rasuah yang merupakan satu kesalahan.

Justeru itu, penerbitan buku 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah' ini diharap dapat memberi panduan kepada semua lapisan masyarakat sama ada sesuatu hadiah itu boleh diberikan atau diterima.

2. DEFINISI RASUAH

2.1 Kefahaman Umum

Masyarakat umumnya mentafsirkan rasuah sebagai pemberian atau penerimaan wang sogokan, komisen, pelincir, duit kopi, *ang pow*, *kau tim*, atau *under table money*.

2.2 Bahasa

Dari segi Bahasa Melayu, rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap) (*Kamus Dewan edisi keempat 2005, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*).

Di dalam Bahasa Arab, rasuah disebut sebagai *ar-risywah* atau *ar-rasywah* yang bermaksud sesuatu penyambung yang dapat menghantarkan tujuan dengan harta sogokan.

Rasuah menurut Bahasa Latin berasal daripada perkataan *corruptio*, iaitu daripada kata kerja *corrumpere* yang membawa erti busuk, rosak, menggoyahkan, memutar belit, dan menyogok.

2.3 Undang-undang

Dari sudut undang-undang, pengertian rasuah tidak dinyatakan secara khusus, tetapi yang hanya dinyatakan ialah takrif suapan. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 mentakrifkan suapan sebagai:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

3. DEFINISI HADIAH

Perkataan sinonim bagi hadiah termasuklah anugerah, bantuan, bonus, cenderamata, derma. Hadiah biasanya diberikan sebagai tanda penghargaan, tanda kasih sayang atau pujian. Masyarakat umum mentafsirkan hadiah sebagai pemberian sesuatu kepada seseorang yang dikenalnya sempena meraikan harijadi, pertunangan, perkahwinan, pertukaran dan persaraan.

Kamus Dewan Edisi Keempat Tahun 2005 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur mentakrifkan hadiah sebagai pemberian atau ganjaran.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (PP Bil. 3/1998) mentakrifkan hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.

4. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam, kadangkala terdapat pelanggan yang berurusan memberikan hadiah sebagai penghargaan di atas perkhidmatan yang telah diberikan. Penerimaan hadiah oleh penjawat awam boleh menimbulkan persepsi negatif dan menjejaskan imej perkhidmatan awam. Bagi panduan kepada penjawat awam, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (PP Bil. 3/1998) menjelaskan berhubung pemberian dan penerimaan hadiah yang meliputi perkara-perkara berikut:

4.1 Larangan Memberi dan Menerima Hadiah

Penjawat awam dilarang daripada memberi atau menerima hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan¹ dengan maksud hadiah itu diberi (jika penerimaan hadiah tidak berkaitan dengan tugas awam).

4.2 Hadiah Yang Boleh Diterima Oleh Penjawat Awam Dengan Kebenaran

- (i) Penjawat awam dibenarkan menerima pemberian hadiah tertakluk oleh kelulusan Ketua Jabatan jika dalam keadaan penerimaan hadiah itu sukar ditolak semasa menjalankan tugas awam seperti akan memalukan sipemberi atau menimbulkan keadaan serba salah.
- (ii) Penjawat awam dibenarkan menerima pemberian hadiah dengan hanya perlu melaporkan kepada Ketua Jabatan tanpa memerlukan kelulusan jika hadiah yang sukar ditolak itu:

¹ Penerimaan hadiah dianggap tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi jika nilai semasa hadiah itu melebihi $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan atau melebihi RM500.00, mana yang lebih rendah. Penerimaan hadiah itu hendaklah dilaporkan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan. Penerimaan hadiah daripada rakan sekerja, isteri atau suami, anak-anak, ibubapa, saudara mara sempena persaraan, pertukaran, pertunangan, perkahwinan atau apa-apa majlis berkaitan dengan adat resam dan agama serta hadiah yang cepat rosak adalah dikecualikan walaupun nilainya melebihi RM500.00.

- Nilainya kurang daripada RM100.00;
- Berbentuk plaque/ pennant/ kraftangan/ bahan cetak untuk promosi jabatan atau negara; atau
- Barangan cepat rosak dan tidak tahan lama.

4.3 Penerimaan Hadiah Yang Menjadi Kesalahan

Menjadi satu kesalahan jika hadiah diterima dalam keadaan seperti berikut tanpa mengira nilainya:

- (i) Hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah bahawa ia adalah satu dorongan atau upah kepada pegawai itu bagi melakukan atau tidak melakukan sesuatu atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal-ehwal atau urusan prinsipalnya atau dalam menjalankan kerja-kerja rasminya;
- (ii) Orang yang memberi hadiah itu mempunyai perhubungan dengan tugas rasmi pegawai itu sendiri atau dengan pegawai di bawah seliaannya dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati, sebaliknya dengan satu niat jenayah; atau
- (iii) Hadiah itu diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh pegawai itu.

4.4 Keputusan Ketua Jabatan

Ketua Jabatan boleh membuat keputusan seperti berikut apabila menerima laporan penerimaan hadiah oleh pegawai-pegawainya:

- (i) Membenarkan pegawai menerima hadiah tersebut;
- (ii) Mengarahkan pegawai memulangkan semula hadiah tersebut; atau
- (iii) Hadiah tersebut disimpan oleh Jabatan.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa membuat keputusan di atas:

- (i) Mempastikan hadiah yang diterima tersebut dibenarkan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan di bawah PP Bil. 3 Tahun 1998.
- (ii) Penerimaan hadiah tersebut tidak menimbulkan syak pegawai telah menggunakan kedudukan awamnya atau kuasa yang ada padanya untuk memperolehi hadiah tersebut.
- (iii) Kekерapan pegawai tersebut menerima hadiah.
- (iv) Hubungan antara pegawai dengan sipemberi.
- (v) Kepentingan Jabatan.

4.5 Pemberian Dan Penerimaan Keraian

Penjawat awam boleh memberi atau menerima keraian jika tidak mempengaruhi tugas rasminya atau tidak bercanggah dengan tatakelakuan penjawat awam. Sebagai contoh, tidak menjadi kesalahan kepada seorang pegawai kanan meraikan pegawai-pegawai bawahannya dengan jamuan makan malam di sebuah restoran mewah sebagai menghargai mereka kerana berjaya menyiapkan projek dengan jayanya. Sebaliknya, pegawai perlu menolak sekiranya mendapat undangan ke majlis makan malam sempena meraikan kejayaan mendapat projek oleh syarikat yang mendapat projek dengan jabatan di mana pegawai bertugas.

4.6 Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Oleh Jabatan Kerajaan

- (i) Jabatan Kerajaan dibenarkan menerima hadiah daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain setelah memperolehi kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal.
- (ii) Jabatan Kerajaan tidak digalakkan memberi hadiah kepada para tetamu khas yang merasmikan atau yang terlibat dalam apa-apa upacara rasmi jabatan atau kerajaan. Walaupun demikian, jika hadiah itu di dapati perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, maka pemberian hadiah itu hendaklah berbentuk lencana (*plaque*) yang tidak mahal harganya, pennant, barang-barang

kraftangan yang dihasilkan sendiri oleh jabatan kerajaan berkenaan atau apa-apa bentuk bahan atau barangan bercetak yang berkaitan dengan jabatan itu dan bertujuan untuk promosi jabatan atau negara.

4.7 Penerimaan Hadiah Dan Sumbangan Oleh Kelab Kebajikan Dan Sukan

Kelab Kebajikan dan Sukan tidak boleh menerima secara terus sebarang bentuk hadiah atau sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta atau orang awam, tetapi boleh membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). Sumbangan yang diperolehi perlulah dipastikan tiada unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak atau keraguan dan beban kepada mana-mana pihak.

5. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH YANG BOLEH MENJADI RASUAH

Pada pandangan kasar, pemberian dan penerimaan hadiah dianggap sebagai sesuatu yang baik dengan tujuan untuk mengeratkan perhubungan dan tali silaturrahim. Tetapi, pemberian hadiah kepada seseorang yang boleh membuat keputusan atau orang yang mempunyai pengaruh boleh menjadi rasuah apabila ia diberikan dengan tujuan untuk kepentingan perniagaan atau peribadi si pemberi. Pemberian dan penerimaan hadiah yang boleh menjadi rasuah di bawah undang-undang adalah seperti berikut:-

5.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009

Dalam ASPRM 2009 dengan jelas menyatakan tentang kesalahan meminta, menerima atau menawar atau memberi apa-apa suapan termasuk hadiah yang berkaitan dengan urusan prinsipal atau dengan tugas rasmi. Kesalahan-kesalahan ini termasuklah di bawah Seksyen 16, Seksyen 17 (a) & (b), Seksyen 20, Seksyen 21 (a), (b), (c) dan (d) dan Seksyen 23 ASPRM.

Contoh-contoh kesalahan menerima hadiah di bawah Seksyen 16 dan 17 ASPRM 2009

Contoh 1

Pegawai A telah membantu seorang kontraktor mendapatkan tawaran kerja dari Jabatannya. Sebagai balasan, A menerima tiket penerbangan percuma ke London. Perbuatan A itu satu kesalahan rasuah kerana **menerima hadiah** iaitu tiket penerbangan percuma.

Contoh 2

Seorang konsultan B telah meminta syarikat pemaju menghadiahkan sebarang cincin belian untuk pertunangan anaknya, sebagai dorongan bagi mempercepatkan pengesahan laporan tuntutan kerja-kerja pembangunan. Perbuatan B itu satu kesalahan rasuah kerana **meminta hadiah** iaitu sebarang cincin belian.

Contoh 3

Seorang orang awam C telah menawarkan wang berjumlah RM10,000 sebagai upah kepada seorang pegawai kerana menyokong permohonan tanah yang dipohonnya bagi tujuan pertanian. Perbuatan C itu satu kesalahan rasuah kerana **menawarkan hadiah** iaitu wang tunai sebanyak RM10,000.

Contoh kesalahan menerima hadiah di bawah Seksyen 20 ASPRM 2009

Contoh 1

D, sebagai seorang kontraktor telah menjanjikan pakej pelancongan ke luar negara kepada Pengerusi lembaga tender sebuah jabatan sekiranya menarik balik atau membatalkan keputusan Lembaga Tender yang dibuatnya. Perbuatan D itu satu kesalahan rasuah kerana **menjanjikan hadiah** iaitu pakej pelancongan supaya keputusan tender ditarik balik.

Contoh kesalahan menerima hadiah di bawah Seksyen 21 ASPRM 2009

Contoh 1

E, seorang orang awam menawarkan ganjaran berupa set karaoke kepada seorang penjawat awam sekiranya penjawat awam itu mengundi menyokong permohonan gerainya dalam mesyuarat badan awam berkenaan. Perbuatan E itu satu kesalahan rasuah kerana **menawarkan hadiah** iaitu satu set karaoke kepada penjawat awam.

Contoh 2

F, seorang penjawat awam bersetuju menerima pakej umrah daripada seorang pemaju sebagai dorongan untuk melakukan sesuatu supaya menolak bantahan orang awam terhadap projek yang dilaksanakan oleh pemaju dalam mesyuarat badan awam berkenaan. Perbuatan F itu satu kesalahan rasuah kerana **setuju terima hadiah** iaitu pakej umrah dari pemaju tersebut.

Contoh kesalahan menerima hadiah di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009

Contoh 1

G, seorang Pengerusi Lembaga Tender sebuah Agensi Kerajaan, telah meluluskan satu tender kepada adiknya. Sebagai ganjaran adiknya telah meberikan sekalung rantai emas sempena perkahwinan anak G. Perbuatan G itu satu kesalahan rasuah kerana meluluskan tender kepada adiknya dan **menerima hadiah** iaitu sekalung rantai emas untuk anaknya.

5.2 Kanun Keseksaan

Bagi penjawat awam, Seksyen 165 Kanun Keseksaan telah menjelaskan adalah menjadi kesalahan ke atas penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Contoh 1

*H, seorang Hakim, menyewa sebuah rumah yang dipunyai oleh I, yang ada suatu kes yang akan dibicarakan di hadapannya. Adalah dipersetujui supaya H membayar lima puluh ringgit sebulan sedangkan jika melihat keadaan rumah tersebut, harga sewa rumah sepatutnya adalah dua ratus ringgit sebulan. H telah mendapat **suatu benda berharga** daripada I dengan tiada balasan yang mencukupi.*

5.3 Akta Kastam 1967

Seksyen 137 Akta Kastam 1967 juga memperuntukan kesalahan penerimaan sogokan termasuk hadiah berhubung kes pelepasan cukai.

Contoh1

*J, seorang pegawai Kastam tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat menjual kek kerana tidak menjelaskan cukai perkhidmatan perniagaan setelah dibayar wang berjumlah RM4,000. Perbuatan J itu satu kesalahan rasuah kerana **menerima hadiah** iaitu wang berjumlah RM4,000.*

5.4 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 –Bahagian III Perbuatan-Perbuatan Rasuah

Seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 menyatakan kesalahan tentang penyogokan iaitu memberi, atau menawar, menjanjikan atau berjanji untuk mendapatkan, apa-apa wang atau balasan bernilai termasuk hadiah berkaitan urusan mengundi seperti pencalonan dan pengundian calon.

Contoh 1

Dalam satu Pilihanraya Parlimen, K, seorang calon mengumumkan akan mendermakan RM60,000 kepada sebuah persatuan sekiranya ahli-ahli persatuan itu mengundinya. Perbuatan K melakukan satu kesalahan rasuah kerana **menjanjikan hadiah** iaitu wang berjumlah RM60,000 sebagai balasan mengundinya.

Contoh 2

Dalam satu pilihanraya, L, seorang calon telah berkempen dan **menjanjikan bantuan** (hadiah) kepada sebuah institusi pelajaran. Beliau memberikan bantuan atas kapasitinya sebagai wakil rakyat. L tidak melakukan kesalahan rasuah kerana menjalankan tugas rasmi.

Contoh 3

Dalam satu pilihanraya, M, seorang calon telah memberikan sogokan wang berjumlah RM50 kepada setiap pengundi supaya mengundinya. M melakukan satu kesalahan rasuah kerana **memberikan hadiah** iaitu wang berjumlah RM50 kepada pengundi.

6. PENUTUP

Pemberian dan penerimaan hadiah perlulah dibuat dengan berhati-hati dan tidak diambil mudah kerana ia boleh memberikan persepsi negatif dan mencemarkan nama baik individu dan organisasi. Sekiranya wujud perasaan sangsi atau musykil berhubung pemberian dan penerimaan hadiah, rujukan perlu dibuat kepada Ketua Jabatan atau SPRM. Diharapkan Buku Bila Hadiah Menjadi Rasuah ini dapat dijadikan panduan sebelum memutuskan untuk memberi atau menerima sebarang bentuk hadiah.

Pusat Informasi Pemberian dan Penerimaan Hadiah,
Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
Peti Surat 6000,
62007 Putrajaya

Telefon/SMS: 0196000103 & 0196000104

E-mail: hadiah@sprm.gov.my

Laman web: www.sprm.gov.my

Lampiran

- I. **Soalan-soalan Lazim.....ms. 15**
- II. **Akta/ Pekeliling/ Peraturan.....ms. 22**

I. Soalan-soalan Lazim

- A. Definisi Hadiah..... ms.16
- B. Peruntukan Undang-undang.....ms.16
- C. Amaun/ Nilai Hadiah.....ms.16-17
- D. Tanggungjawab Pegawai Awam.. ms.17-19
- E. Tanggungjawab Pihak Swasta.... ms. 20
- F. Hukuman.....ms. 21

I. SOALAN-SOALAN LAZIM

A. DEFINISI HADIAH

1. Apakah yang dimaksudkan dengan hadiah?

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi. (Rujukan: Para 4(a), PP Bil. 3/1998).

B. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

2. Apakah undang-undang, peraturan atau pekeliling yang memperuntukkan kesalahan berhubung pemberian dan penerimaan hadiah?

- i) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Seksyen 16, Seksyen 17, Seksyen 20, Seksyen 21 dan Seksyen 23);
- ii) Kanun Keseksaan (Seksyen 165);
- iii) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Peraturan 8 dan Peraturan 9);
- iv) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998;
- v) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008;
- vi) Akta Kastam 1967 (Seksyen 137); dan
- vii) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Seksyen 10).

C. AMAUN / NILAI HADIAH

3. Apakah bentuk dan berapakah nilai hadiah yang boleh diberikan kepada pegawai kerajaan?

Tidak kira berapa nilai atau bentuk hadiah, adalah menjadi kesalahan kepada pegawai kerajaan menerimanya jika ianya berkaitan dengan tugas rasminya (Rujukan: Para 12 (b), PP Bil. 3/1998 dan Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993).

4. **Seorang Ketua Jabatan ingin memberi duit raya dan lain-lain barangan kepada pekerja-pekerja bawahannya. Adakah ini dibolehkan dan apakah bentuk barangan yang dibenarkan?**

Tidak kira apa juga bentuk barangan yang ingin diberikan, adalah tidak menjadi kesalahan jika pemberian tersebut dibuat dengan ikhlas dan tidak berkaitan atau mempengaruhi tugas rasmi serta jumlah atau nilai hadiah yang diberikan adalah sepadan dengan maksud ia diberikan (*Rujukan: Peraturan 8, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993*).

5. **Apakah yang dimaksudkan dengan amaun atau nilai hadiah itu sepadan atau tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan?**

Bagi penerimaan hadiah yang tidak berkaitan dengan tugas awam pegawai, amaun atau nilai hadiah itu sepadan atau tidak dengan tujuan hadiah itu diberikan adalah berdasarkan kepada nilai semasa hadiah itu, *occasion* dan tujuan atau maksud hadiah itu diterima (*Rujukan: Para 7, PP Bil. 3/1998*).

Penerimaan hadiah **dianggap tidak sepadan** dengan maksud hadiah itu diberi jika nilai semasa hadiah diterima itu melebihi $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan atau melebihi RM500 mana yang lebih rendah (*Rujukan: Para 7(a), PP Bil. 3/1998*).

Penerimaan hadiah **dianggap sepadan** dengan maksud hadiah itu diberikan jika nilai hadiah yang diterima itu kurang $\frac{1}{4}$ emolumen atau RM500 mana yang lebih rendah (*Rujukan: Para 7(b), PP Bil. 3/1998*).

D. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM

6. **Bolehkah Pegawai Awam menerima hadiah?**

Seseorang Pegawai Awam dilarang menerima apa-apa bentuk hadiah sama ada kecil atau besar nilainya jika penerimaan itu ada kaitan dengan tugas awamnya (*Rujukan: Para 5, PP Bil. 3/1998 dan Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993*).

7. **Sekiranya hadiah diberikan kepada isteri pegawai, bolehkah hadiah tersebut diterima?**

Pegawai awam tidak boleh menerima atau tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain

menerima bagi pihaknya secara langsung atau tak langsung apa-apa hadiah daripada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan orang sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya (*Rujukan: Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993*).

8. **Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pegawai awam apabila menerima hadiah daripada individu yang tidak dikenali?**

Bagi keadaan demikian, penerimaan tersebut perlu dilaporkan kepada Ketua Jabatannya untuk membuat keputusan (*Rujukan: Para 6, PP Bil. 3/1998*).

9. **Seorang pegawai awam telah menerima hamper bernilai lebih kurang RM300 daripada sebuah syarikat yang tiada urusan rasmi dengannya. Adakah hamper tersebut boleh diterima?**

Seseorang pegawai Awam boleh menerima hadiah yang tiada kaitan dengan tugas rasminya tetapi hendaklah sepadan iaitu nilainya kurang $\frac{1}{4}$ daripada emolumen bulanan atau RM 500.00 (mana yang lebih rendah). Walaubagaimanapun, sekiranya pegawai ragu-ragu dan mendapati penerimaan ini boleh menimbulkan masalah berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai pegawai awam atau boleh menimbulkan syak wasangka bagi dirinya atau orang lain, maka penerimaan itu boleh dilaporkan kepada Ketua Jabatan (*Rujukan: Para 7 dan 8, PP Bil. 3/1998*).

10. **Adakah seorang Pegawai Awam boleh menerima jemputan Majlis Berbuka Puasa dari sebuah hotel?**

Pegawai Awam boleh menerima apa-apa jenis keraian jika tidak mempengaruhi tugas rasminya atau tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam. Dalam kes ini, Pegawai Awam tersebut boleh hadir sekiranya tidak mempunyai urusan rasmi dengan hotel tersebut. Tetapi, pegawai awam adalah dilarang menerima pelawaan menghadiri apa-apa majlis keraian seperti majlis berbuka puasa atau makan malam yang dianjurkan oleh mana-mana pihak yang ada kaitan dengan tugas rasmi pegawai tersebut (*Rujukan: Para 14, PP Bil. 3/1998 dan Peraturan 9, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993*).

11. **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya hadiah seperti hamper diletakkan di atas meja atau dihantar ke rumah yang mana pemberinya tidak diketahui?**

Pegawai perlu membuat laporan kepada Ketua Jabatan untuk membuat keputusan (*Rujukan: Para 6, PP Bil. 3/1998*).

12. **Bolehkah Jabatan Kerajaan menerima hadiah daripada pihak swasta?**

Jabatan Kerajaan dibenarkan menerima hadiah daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain selepas mendapat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal (*Rujukan: Para 4, SPP Bil. 5/2008*).

13. **Bolehkah Jabatan Kerajaan memberi hadiah kepada para tetamu khas yang merasmikan atau yang terlibat dalam upacara rasmi Jabatan?**

Jabatan Kerajaan tidak digalakkan memberi hadiah kepada tetamu khas. Walaubagaimanapun, jika hadiah perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, pemberian hadiah hendaklah berbentuk *plaque* yang tidak mahal harganya, *Pennant*, barang-barang kraftangan atau apa-apa bentuk bahan atau barangan bercetak yang berkaitan dengan Jabatan itu (*Rujukan: Para 20, PP Bil. 3/1998*).

14. **Apakah tindakan yang perlu dibuat oleh pegawai awam sekiranya sukar untuk menolak pemberian hadiah kerana jika menolak pemberian itu akan memalukan sipemberi atau menimbulkan serba salah?**

Dalam keadaan sukar untuk menolak pemberian hadiah yang ada kaitan dengan tugas awam, pegawai awam dibenarkan menerima hadiah berkenaan dan hendaklah melaporkan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan sewajarnya (*Rujukan: Para 10, PP Bil. 3/1998*).

15. **Bolehkah Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan memohon atau menerima sumbangan berbentuk barangan atau wang daripada syarikat-syarikat swasta atau orang awam yang tiada hubungan rasmi dengan Jabatan?**

Kelab Kebajikan dan Sukan tidak dibenarkan memohon atau menerima apa-apa sumbangan terus daripada syarikat-syarikat swasta atau orang awam. Syarikat-syarikat swasta atau orang awam boleh menyalurkan sumbangan kepada Majlis Kebajikan

dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan boleh memohon sumbangan kepada MAKSAK (*Rujukan: Para 21 dan 22, PP Bil. 3/1998*).

E. TANGGUNGJAWAB PIHAK SWASTA

16. **Sebuah syarikat milik suami kepada seorang kakitangan jabatan kerajaan bercadang untuk memberi hamper kepada pegawai dan kakitangan jabatan di mana isterinya bekerja. Adakah tindakan tersebut menjadi satu kesalahan?**

Pemberian hamper oleh syarikat si suami kepada pegawai dan kakitangan di mana si isteri bekerja akan menimbulkan persepsi negatif dan boleh mewujudkan *conflict of interest* jika syarikat tersebut mungkin akan berurusan dengan jabatan berkenaan pada-pada masa hadapan (*Seksyen 23, ASPRM 2009*).

17. **Bolehkah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memberikan sumbangan berbentuk hadiah kepada Jabatan Kerajaan atau pihak swasta untuk menjalin hubungan dan mempromosikan syarikat?**

Pemberian atau penerimaan hadiah di GLC adalah bergantung kepada polisi GLC tersebut. Walaubagaimanapun, jika pemberian atau penerimaan hadiah tersebut mempunyai niat jenayah rasuah, ianya menjadi satu kesalahan di bawah ASPRM 2009 (*Rujukan: Seksyen 16, ASPRM 2009*).

18. **Bolehkah syarikat swasta memberikan hamper kepada Ketua Pengarah sebuah jabatan kerajaan dan kakitangannya sebagai penghargaan setelah selesai sesuatu projek?**

Tidak boleh. Adalah menjadi kesalahan kepada pegawai awam di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan kerana menerima sesuatu tanpa balasan. Tambahan pula, syarikat berkenaan telah mempunyai hubungan secara langsung dengan jabatan berkenaan (*Rujukan: Seksyen 165, Kanun Keseksaan*).

19. **Seorang pengurus hotel bercadang ingin meraikan ketua-ketua jabatan yang sering berurusan dengan hotelnya. Adakah ini dibenarkan?**

Tidak dibenarkan ketua-ketua jabatan menerima sebarang bentuk keraian jika berkaitan dengan tugasnya (*Rujukan: Para 14, PP Bil. 3/1998 dan Peraturan 9, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993*).

F. HUKUMAN

20. **Apakah hukuman yang boleh dikenakan kepada seseorang sama ada si pemberi atau si penerima hadiah jika pemberian / penerimaan hadiah itu mempunyai niat untuk merasuah?**

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan memberi atau menerima rasuah apabila disabitkan kesalahan di bawah ASPRM 2009, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi (*Rujukan: Seksyen 24, ASPRM 2009*).

II. Akta/ Pekeliling/ Peraturan

- A. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009.....ms. 23-26
- B. Kanun Keseksaan (Akta 574).....ms. 26
- C. Akta Kastam 1967 (Akta 235).....ms. 27-28
- D. Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.....ms. 28-30
- E. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998...ms. 31-34
- F. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5
Tahun 2008.....ms. 34
- G. Peraturan-peraturan Pegawai Awam
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993.....ms. 34-35

II. AKTA/ PEKELILING/ PERATURAN

A. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Seksyen

16. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain –

Kesalahan menerima suapan

(a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau

(b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab –

(A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau

(B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat,

melakukan suatu kesalahan.

17. Seseorang melakukan kesalahan jika –

Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen

(a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau

(b) dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau

menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

20. Seseorang –

- (a) yang, dengan niat untuk memperoleh suatu kontrak daripada mana-mana badan awam bagi melaksanakan apa-apa kerja, mengadakan apa-apa perkhidmatan, melakukan apa-apa jua, atau membekalkan apa-apa barang, bahan atau benda, menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah membuat suatu tender untuk mendapatkan kontrak itu, sebagai suatu dorongan atau upah bagi orang itu menarik balik tendernya itu; atau
- (b) yang meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah baginya menarik balik suatu tender yang telah dibuat olehnya untuk mendapatkan kontrak itu,

Secara rasuah mendapatkan penarikan balik tender

melakukan suatu kesalahan.

21. Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya –

Penyogokan pegawai badan awam

- (a) pegawai itu mengundi atau tidak dalam mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu;
- (b) pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintangi atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;
- (c) pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau
- (d) pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai

sedemikian,

melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

23. (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.
 - (2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
 - (3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.
 - (4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.
-
24. (1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

seksyen 16,17, 20, 21, 22, dan 23 apabila disabitkan boleh

–

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- (2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 18 apabila disabitkan boleh –
- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

B. Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen

165. Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu

C. Akta Kastam 1967 (Akta 235)

Seksyen

137. (1) Jika mana-mana pegawai kastam atau orang lain yang diambil bekerja dengan sempurnanya bagi pencegahan penyeludupan-

- (a) membuat apa-apa penyitaan kolusif atau menyerah atau membuat apa-apa perjanjian untuk menyerah atau tidak menyita mana-mana vessel atau pesawat udara atau alat pengangkutan lain, atau apa-apa barang-barang yang boleh disita;
- (b) Menerima, bersetuju untuk menerima, atau cuba mendapatkan, apa-apa rasuah, ganjaran, balasan atau upah kerana mengabaikan atau tidak menjalankan tugasnya; atau
- (c) Berkomplot dengan, atau membiarkan mana-mana orang, mengimport atau mengeksport atau dalam apa-apa cara terlibat dalam pengimportan atau pengeksportan apa-apa barang-barang yang boleh dikenakan duti kastam atau apa-apa barang-barang yang dilarang supaya diimport atau dieksport bagi maksud menyita mana-mana vesel, pesawat udara atau kenderaan atau apa-apa barang-barang dan mendapatkan apa-apa upah kerana penyitaan itu atau selainnya,

tiap-tiap pegawai itu yang melanggar sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-dua penjara dan denda, dan hendaklah ditahan daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, dan tiap-tiap orang yang memberi atau menawar atau berjanji untuk memberi atau menawar atau berjanji untuk memberi atau menyebabkan untuk diberi apa-apa rasuah, ganjaran, balasan atau upah kepada, atau membuat apa-apa perjanjian kolusif dengan, mana-mana pegawai sedemikian atau orang yang disebut terdahulu untuk mendorongnya dalam apa-apa cara supaya mengabaikan tugasnya atau melakukan, merahsiakan atau membiarkan apa-apa perbuatan di mana sesuatu peruntukan mana-mana undang-undang lain yang

Penalti kerana menawarkan atau menerima rasuah

berhubungan dengan import atau eksport mungkin dielak, adalah bersalah sebagai seorang pensubahat dan oleh itu boleh dihukum di bawah Akta ini.

D. Akta Kesalahan Pilihanraya 1954

Seksyen

10. Orang yang berikut hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan menyogok:

Penyogok-an

- (a) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihanraya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan, meminjamkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apa-apa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-pa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab pemilih atau pengundi itu telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;
- (b) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan atau mendapatkan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan kepada atau untuk mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong pemilih atau pengundi itu supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab mana-mana pemilih atau pengundi telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;

- (c) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan apa-apa pemberian, pinjaman, tawaran, janji, pemerdapatan, persetujuan yang disebut terdahulu kepada atau untuk mana-mana orang bagi mendorong orang itu supaya mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam mana-mana pilihan raya.
- (d) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, apabila menerima atau oleh sebab mana-mana pemberian, pinjaman, tawaran, janji, pemerdapatan, atau persetujuan itu, mendapatkan atau mengaku janji, berjanji atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam sesuatu pilihan raya;
- (e) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, mendahulukan atau membayar atau menyebabkan supaya dibayar apa-apa wang kepada, atau untuk kegunaan, mana-mana bahagiannya dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya atau yang dengan diketahuinya membayar atau menyebabkan dibayar apa-apa wang kepada mana-mana orang bagi menjelaskan atau membayar balik apa-apa wang yang keseluruhannya atau sebahagiannya telah dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya itu;
- (f) tiap-tiap pemilih atau pengundi yang, sebelum atau semasa mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima, bersetuju, atau membuat kontrak untuk mendapatkan apa-apa wang, pemberian, pinjaman, atau balasan bernilai, jawatan, kedudukan atau pekerjaan, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, kerana mengundi atau bersetuju untuk mengundi atau kerana tidak mengundi atau bersetuju untuk tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;
- (g) tiap-tiap orang yang, selepas mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima apa-apa wang atau balasan bernilai oleh sebab mana-mana orang telah mengundi atau tidak mengundi atau telah

mendorong mana-mana orang lain supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;

- (h) tiap-tiap orang yang, selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, oleh sebab dan sebagai bayaran kerana mengundi atau telah mengundi atau kerana bersetuju atau telah bersetuju untuk mengundi mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, atau oleh sebab dan sebagai bayaran kerana dia telah membantu atau bersetuju untuk membantu mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, memohon kepada calon itu, atau kepada ejen atau ejen-ejennya, untuk mendapatkan pemberian atau pinjaman apa-apa wang atau balasan bernilai, atau untuk mendapatkan janji mengenai pemberian atau pinjaman apa-apa wang atau balasan bernilai atau untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan atau untuk mendapatkan janji mengenai apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan; dan
- (i) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, bagi mendorong mana-mana orang lain supaya bersetuju untuk dinamakan sebagai seorang calon atau supaya tidak menjadi seorang calon atau supaya menarik diri jika dia telah menjadi seorang calon, memberikan atau mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan atau menawarkan atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, kepada atau untuk orang lain itu, atau memberikan atau meminjamkan, atau bersetuju untuk memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk mana-mana orang atau kepada atau untuk orang lain itu, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak orang lain itu.

E. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (PP Bil. 3/1998)

Paragraf

4. (a) Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.
5. Pegawai awam dilarang daripada menerima atau memberi hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi.
6. Dalam keadaan tertentu pegawai awam dibenarkan menerima pemberian hadiah, tertakluk kelulusan Ketua Jabatan.
7. Dalam keadaan penerimaan hadiah tidak berkaitan dengan tugas awam pegawai, *maksud bentuk, amaun atau nilai hadiah itu sepadan atau tidak dengan tujuan hadiah itu diberi*, hendaklah berdasarkan kepada nilai semasa hadiah itu, "occasion" dan tujuan atau maksud hadiah itu diterima. Penerimaan hadiah oleh pegawai awam yang tidak berkaitan dengan tugas awam, sama ada sepadan atau tidak dengan maksud ianya diberi adalah seperti berikut:
 - (a) Penerimaan hadiah dianggap tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi jika nilai semasa hadiah diterima itu nilainya (dalam bentuk wang) melebihi $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan atau melebihi RM500.00, mana yang lebih rendah. Dalam hal ini, penerimaan hadiah itu hendaklah dilaporkan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan menggunakan borang di *Lampiran A*.
 - (b) Penerimaan hadiah dianggap sepadan dengan maksud hadiah itu diberi dan tidak perlu dilaporkan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan, jika nilai hadiah yang diterima itu kurang $\frac{1}{4}$ emolumen atau RM500.00, mana yang lebih

Hadiah

Larangan
memberi
dan
menerima
hadiah

rendah. Di samping itu penerimaan hadiah dianggap sepadan dengan maksud hadiah itu diberi walaupun nilainya melebihi RM500.00, jika penerimaan hadiah itu dalam keadaan berikut:

- i. penerimaan hadiah daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai;
- ii. penerimaan hadiah daripada isteri atau suami, anak-anak termasuk anak menantu atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang, ibu/bapa termasuk ibu mertua dan bapa mertua dan adik beradik termasuk sebelah isteri atau suami;
- iii. penerimaan hadiah daripada saudara-mara dan rakan-rakan sempena majlis hari jadi, pertunangan dan perkahwinan pegawai atau anak-anak, atau apa-apa majlis lain yang berkaitan dengan adat resam dan agama; atau
- iv. penerimaan hadiah yang cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buah-buahan, kuih-muih, minuman ringan, bunga dan sebagainya.

8. Walau apa pun, yang dinyatakan di perenggan 7(a) dan (b), sekiranya pegawai awam masih ragu-ragu dan mendapati penerimaan ini boleh menimbulkan masalah berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai pegawai awam atau boleh menimbulkan syak wasangka bagi dirinya atau orang lain maka pegawai juga boleh melaporkan penerimaan ini kepada Ketua Jabatan.
10. Dalam keadaan sukar untuk menolak pemberian hadiah yang ada kaitan dengan tugas awam, pegawai awam dibenarkan menerima hadiah berkenaan dan kemudiannya sekembalinya di pejabat, beliau hendaklah melaporkan kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan borang seperti di *Lampiran 'A'* untuk kelulusan sewajarnya.
12. Walau bagaimanapun penerimaan hadiah itu, sama ada kurang atau lebih dari nilai yang dinyatakan di atas atau sama dengan nilai tersebut, adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang jika ia diterima dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*) bahawa ia adalah

- satu dorongan atau upah kepada pegawai itu bagi melakukan atau tidak melakukan (*to forebear*), atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal-ehwal atau urusan prinsipalnya atau dalam menjalankan kerja-kerja rasminya (seksyen 9 dan 10, Akta Pencegahan Rasuah 1997, seksyen 161 dan 162, Kanun Keseksaan);
- (b) orang yang memberi hadiah itu mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu sendiri atau dengan kerja rasmi seseorang pegawai yang di bawahnya dia bekerja dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati (*not in good faith*) sebaliknya ia dilakukan dengan satu niat jenayah (*mens rea*); atau
 - (c) hadiah itu diterima dengan niat jenayah (*mens rea*) daripada seseorang, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh pegawai itu (seksyen 165, Kanun Keseksaan).
14. Pegawai awam boleh memberi atau menerima keraian jika tidak mempengaruhi tugas rasminya atau tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam.
 20. Jabatan Kerajaan tidak digalakkan memberi hadiah kepada para tetamu khas yang merasmikan atau yang terlibat dalam apa-apa upacara rasmi Jabatan atau Kerajaan. Walaupun demikian, jika hadiah itu didapati perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, maka pemberian itu bolehlah dibuat, tetapi pemberian hadiah itu hendaklah berbentuk lencana ("plaque") yang tidak mahal harganya, "Pennant", barang-barang kraftangan yang dihasilkan sendiri oleh Jabatan Kerajaan berkenaan atau apa-apa bentuk bahan atau barangan bercetak yang berkaitan dengan Jabatan itu dan bertujuan untuk promosi Jabatan atau negara.
 21. Kelab Kebajikan dan Sukan adalah tidak dibenarkan menghubungi terus atau secara langsung syarikat-syarikat swasta atau orang awam untuk mendapatkan bantuan kewangan dengan apa cara sekalipun bagi membiayai aktiviti-aktiviti mereka.
 22. Walau bagaimanapun, apa-apa sumbangan yang hendak disumbangkan kepada kelab kebajikan dan Sukan oleh syarikat-

syarikat swasta dan orang awam hendaklah disalurkan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). Kelab Kebajikan dan Sukan di peringkat Jabatan bolehlah membuat permohonan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia bagi mendapatkan peruntukan masing-masing.

F. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008

Paragraf

4. Bagi maksud melaksanakan keputusan Kerajaan tersebut, perenggan 18, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 adalah dipinda dengan menggantikan keseluruhan perenggan tersebut dengan perenggan 18 yang baru seperti berikut:

*Pindaan
perenggan
18 PP Bil.
3/1998*

“18. Jabatan Kerajaan dibenarkan menerima hadiah daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain dan penerimaan itu mestilah mendapat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal. Kuasa Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal meluluskan penerimaan hadiah ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti di Lampiran 'D' dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 seperti dilampirkan”.

*Kuasa
Ketua
Setiausaha
Kementeri-
an atau
Pegawai
Pengawal*

G. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Peraturan

8. (1) Tertakluk kepada peruntukan peraturan ini, seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.
- (2) Ketua Jabatan seseorang pegawai boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan pegawai itu untuk menerima suatu pujian daripada mana-mana orang, persatuan, badan atau

hadiah

kumpulan orang sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu asalkan surat pujian itu tidak terkandung dalam suatu bekas yang bernilai.

- (3) Ketua Jabatan boleh membenarkan pemungutan sumbangan secara spontan oleh pegawai-pegawai di bawah jagaannya bagi maksud pemberian hadiah kepada seseorang pegawai dalam Jabatannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan pegawai itu atau apa-apa peristiwa lain yang sesuai.
 - (4) Jika hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimaannya dilarang oleh peraturan ini, hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Jabatannya yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan hal keadaan hadiah itu diterima.
 - (5) Apabila diterima laporan yang dibuat di bawah subperaturan (4), Ketua Jabatan hendaklah -
 - (a) membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu; atau
 - (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan, melalui Ketua Jabatan itu, kepada pemberinya.
9. Seseorang pegawai boleh memberi atau menerima daripada mana-mana orang apa-apa jenis keraian jika -
- (a) keraian itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas-tugasnya sebagai seorang pegawai awam untuk kepentingan orang itu; dan
 - (b) pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan peraturan 4.

keraian